

**KESAN PROGRAM PENDIDIKAN LUAR  
CABARAN MUTIARA ANJURAN JABATAN  
PELAJARAN PULAU PINANG TERHADAP  
KESEPADUAN KUMPULAN**

**MUHAMMAD NORAZIZUDDIN BIN M. NOR**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2014**

## ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan mengkaji kesan Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara ke atas kesepaduan kumpulan. Kajian ini juga mengkaji perbandingan sosio-demografi, perkaitan di antara subskala kesepaduan kumpulan dan mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang mendarangkan kesan terhadap kesepaduan kumpulan. Kajian ini melibatkan 132 orang pelajar sekolah menengah yang mengikuti Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Pulau Pinang melalui Pusat Kokurikulum Negeri pada tahun 2011. Kaedah kuasi-eksperimen dengan kumpulan kawalan telah dipilih untuk menjawab persoalan kajian. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif dengan rekabentuk ujian pra dan pasca di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimental. Instrumen Soal Selidik Persekutaran Kumpulan (*GEQ; Group Environment Questionnaire*) yang mengandungi empat subskala kesepaduan kumpulan iaitu, *ATG-S; Individual AtTRACTIONS to the Group-Social*, *ATG-T; Individual AtTRACTIONS to the Group-Task*, *GI-T; Group INTEGRATION-Task* dan *GI-S; Group INTEGRATION-Social* yang diubahsuai telah digunakan dalam kajian ini. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam subskala *ATG-S*, manakala subskala yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kalangan peserta yang menyertai program ini. Selain itu, faktor demografi yang dikenal pasti mempengaruhi proses pembentukan kesepaduan kumpulan ialah bangsa. Manakala faktor jantina, lokasi tempat tinggal dan pengalaman dalam pendidikan luar tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Aktiviti berkayak telah menunjukkan aktiviti yang paling mempengaruhi kesepaduan kumpulan dalam kalangan peserta berbanding aktiviti-aktiviti lain yang telah dijalankan semasa program ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara telah memberikan kesan yang signifikan ke atas kesepaduan kumpulan dalam kalangan peserta. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa aktiviti pendidikan luar dapat digunakan sebagai program pembentukan kesepaduan kumpulan dan aktiviti berkayak boleh dijadikan aktiviti utama untuk membentuk kesepaduan kumpulan.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    **EFFECTS OF OUTDOOR EDUCATION PROGRAMME ORGANISED BY EDUCATION DEPARTMENT OF PENANG TO GROUP COHESION**    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## ABSTRACT

The purpose of this study was to examine the effects of *Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara* on group cohesion. This research also aimed to study the comparison of socio-demographic factors on group cohesion, the relationship between group cohesion subscales and to identify the activities that affect group cohesion. The participants were comprised of 132 secondary school children who underwent *Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara* in 2011 organised by the *Penang Education Department's Co-Curriculum Centre*. A quasi experimental design with a control group approach was adopted to answer the research questions. This study was descriptive in nature, with pre and post-test design. A modified version of the Group Environment Questionnaire (GEQ) which consists of four subscales of group cohesion (ATG-S; Individual Attraction to the Group-Social, ATG-T; Individual Attraction to the Group-Task, GI-T; Group Integration-Task and GI-S; Group Integration-Social) was utilised in this study. The findings showed that there was a significant difference in subscale ATG-S, while the other subscales showed no significant differences between pre and post test. In terms of demographic factor, ethnicity was found to be significantly contributed to the development of group cohesion. Meanwhile, gender, location and experience in outdoor education did not show significant differences in group cohesion. Kayaking had been shown to affect group cohesion the most compared to other activities conducted during the programme. The study demonstrates that *Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara* had a significant effect on group cohesion among the participants. In conclusion, this study suggests that outdoor education programme may be used as a tool to encourage group cohesiveness and kayaking could be the main activity for this programme.

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii

**BAB 1****PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Kepentingan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Limitasi Kajian	8
1.7	Definisi Istilah	9

**BAB 2****SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	10
2.2	Definisi Pendidikan Luar	11
2.3	Fokus dan Asas Pendidikan Luar	14
2.4	Pendidikan Luar Di Malaysia	18

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	Pelajaran Malaysia	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2.6	Kesepaduan Kumpulan	25	25
2.7	Teori Kajian	28	28
2.8	Kajian Lampau	31	31
2.9	Rumusan	34	34

**BAB 3****METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	35
3.2	Rekabentuk Kajian	36
3.3	Kerangka Penyelidikan	37
3.4	Pembolehubah Kajian	38
3.5	Populasi Kajian	38
3.6	Instrumen Kajian	40
3.7	Kajian Rintis	45
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	45
3.9	Demografi Pelajar	46
3.10	Prosedur Kajian	46
3.11	Analisis Data	48
3.12	Analisis Deskriptif	49
3.13	Analisis Inferensi	49

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	50
-----	-------------	----

4.2	Analisis Demografi	51
-----	--------------------	----

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	4.3 RIS	Analisis Statistik Inferensi	SULTAN IDRIS	56	IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	4.4	Kesimpulan		68	IVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**BAB 5****PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	70
5.2	Perbincangan	71
5.3	Kesimpulan	94
5.4	Cadangan	96
	RUJUKAN	100

**LAMPIRAN**

- A Borang Soal Selidik
- B Surat Pengesahan Status Pelajar
- C Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
- D Surat Kebenaran dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (*EPRD*) Untuk Menjalankan Penyelidikan
- E Surat Kebenaran dari Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang Untuk Menjalankan Penyelidikan
- F Membentangkan kertas pada *2nd International Conference On Arts, Social Science & Technology Icast 2012*

**PEMBENTANGAN**

Membentangkan kertas pada *2nd International Conference On Arts, Social Science & Technology Icast 2012* pada *03-04 Mac 2012*

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Bilangan Soalan Mengikut Subskala Kesepaduan Mengikut Subskala	43
4.1 Profil Sosio Demografi Populasi	52
4.2 Ujian <i>One Way Repeated Measures ANOVA</i> terhadap subskala Tarikan Individu terhadap Sosial Kumpulan ( <i>ATG-S; Individual Attraction to the Group-Social</i> )	56
4.3 Ujian <i>Paired Sample T Test</i> Subskala Kesepaduan Kumpulan Tarikan Individu terhadap Sosial Kumpulan ( <i>ATG-S; Individual Attraction to the Group-Social</i> )	57
4.4 Ujian <i>One Way Repeated Measures ANOVA</i> terhadap Subskala Tarikan Individu terhadap Tugasan Kumpulan ( <i>ATG-T; Individual Attraction to the Group-Task</i> )	57
4.5 Ujian <i>One Way Repeated Measures ANOVA</i> terhadap Subskala Integrasi Kumpulan -Tugasan ( <i>GI-T; Group Integration-Task</i> )	58
4.6 Ujian <i>One Way Repeated Measures ANOVA</i> terhadap Subskala Integrasi Kumpulan -Sosial ( <i>GI-S; Group Integration-Social</i> )	59
4.7 Ujian <i>One-way ANOVA</i> Perbandingan Subskala Kesepaduan Kumpulan dengan Faktor Demografi Jantina	61
4.8 Ujian <i>One-way ANOVA</i> Perbandingan Subskala Kesepaduan Kumpulan dengan Faktor Demografi Bangsa	62
4.9 <i>Post-Hoc</i> Subskala Kesepaduan Kumpulan dengan Faktor Demografi Bangsa	63
5.0 Ujian <i>One-way ANOVA</i> Perbandingan subskala kesepaduan kumpulan dengan Demografi Tempat Tinggal	64

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 5.1 Ujian *One-way ANOVA* Perbandingan Subskala Kesepaduan Kumpulan dengan Demografi Pengalaman dalam Pendidikan Luar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 65

- 5.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Aktiviti Perkhemahan yang Mempengaruhi Pembentukan Kesepaduan Kumpulan 67

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
2.1 Dimensi Utama Dalam Pendidikan Luar	13
2.2 Model Pendidikan Luar Priest	14
2.3 Model Fokus Pendidikan Luar	15
2.4 Kitaran Pembelajaran Melalui Pengalaman	17
2.5 Kurikulum Pusat Kokurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia	22
2.6 Program Wajib Pusat Kokurikulum	23
2.7 Program Pilihan Pusat Kokurikulum	24
2.8 Model Konseptual Kesepaduan Kumpulan	27
2.9 Teori Pembentukan Kumpulan Tuckman	31
3.1 Kerangka Konseptual Penyelidikan	37
3.2 Pembahagian Populasi Mengikut Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimental	39
3.3 Kerangka Kerja Teori Kesepaduan Kumpulan	42

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya berbilang bangsa, budaya dan agama. Majoriti masyarakatnya terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Setelah hampir 54 tahun merdeka, ramai percaya bahawa perpaduan kaum amat penting untuk menjamin keamanan, kemakmuran dan kestabilan negara. Walau bagaimanapun, perpaduan tidak akan dapat dikekalkan sekiranya tiada usaha yang menyeluruh oleh masyarakat untuk menangani masalah sosial yang semakin menular seterusnya menghancurkan perpaduan masyarakat (Mohd Shauki, 2005).

Semangat perpaduan dapat dibina melalui pembentukan kesepaduan kumpulan yang

proses dinamik yang menunjukkan kecenderungan kumpulan untuk kekal bersama

dan bersatu dalam mencapai matlamat dan tujuan. Ini membuktikan bahawa kesepaduan kumpulan memberi kesan terhadap perpaduan melalui penyatuan ahli-ahli kumpulan dalam mencapai satu objektif dan matlamat.

Kesepaduan kumpulan dapat dibentuk melalui program berteraskan pendidikan. Antaranya ialah melalui pendidikan luar. Menurut Neill (2003) pendidikan luar meliputi penekanan ke atas pengalaman terus di persekitaran untuk mencapai matlamat kendiri, matlamat sosial, pendidikan, pemulihan serta persekitaran. Pusat Perkembangan Kurikulum (1989; petikan dari Abu Bakar Sidek, 2004) menghuraikan Falsafah Pendidikan Luar di Malaysia sebagai:

*“Alam semulajadi merupakan sebuah makmal hidup yang kaya dengan sumber ilmu. Ia boleh digabunggalinkan dengan amalan yang boleh memperkayakan pengalaman dan memupuk nilai-nilai murni bagi melahirkan individu yang sihat dari segi mental, rohani dan jasmani dalam usaha mewujudkan integrasi dalam kalangan masyarakat ke arah perpaduan nasional”.*

Kebanyakan pengkaji menyatakan matlamat pendidikan luar adalah untuk membina dan mengekalkan keadaan mental, fizikal, emosi dan sosial yang sihat serta melahirkan warganegara yang berpengalaman luas, berdisiplin dan bersatu padu (Neill, 2003). Oleh itu, pendidikan luar haruslah mengandungi unsur-unsur pendidikan, etika dan perpaduan.

Ramai pengkaji percaya bahawa pendidikan luar adalah merupakan salah satu medium

yang berkesan bagi meningkatkan kesepaduan (Breunig et. al. 2008). Boyle (2003) juga menyatakan bahawa pendidikan luar memainkan peranan yang penting dalam pembentukan integrasi di dalam kumpulan. Ianya dilihat mempunyai perkaitan bukan sahaja melalui alam semulajadi malah di antara manusia dan masyarakat (Preist, 1986). Penggunaan alam semulajadi sebagai sumber ilmu boleh membentuk insan yang seimbang, menambah pengalaman dan penerapan nilai-nilai murni seterusnya membentuk integrasi ke arah perpaduan (Abu Bakar, 2004).

Program pendidikan luar mengaplikasikan aktiviti berbentuk cabaran seperti berbasikal, berkayak, dan mendaki untuk mencapai matlamat dan objektif (Sheard & Golby, 2006). Penglibatan dalam aktiviti yang mencabar sangat berkesan diaplikasikan terhadap remaja kerana ia dapat membangunkan kemahiran insaniah seperti komunikasi, menyelesaikan masalah dan kerjasama berkumpulan (Neill, 2001). Manakala menurut Stroud (2006) pula menjelaskan bahawa aktiviti ‘team building’ dalam pendidikan luar membawa kesan yang positif terhadap persekitaran, perkembangan dan kesepaduan kumpulan. Elemen-elemen seperti kerjasama, bekerja secara berpasukan dan kesungguhan kumpulan dalam mengatasi cabaran lasak ini boleh mempengaruhi peningkatan kesepaduan kumpulan dalam kalangan peserta. Kepercayaan dan kesepaduan individu akan membentuk ikatan yang kuat terhadap kumpulannya. (Faulkner, Faulkner & Hesterberg 2007). Selain itu, pendidikan luar dapat menambahkan interaksi sosial di antara ahli kumpulan dan perkongsian pengalaman mereka dengan kumpulan sosial yang lain (Fletcher & Meyer 2009).

Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara merupakan program yang dianjurkan oleh

Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Pulau Pinang. Program ini merupakan program

peringkat negeri Pulau Pinang yang disertai oleh pelajar-pelajar terpilih mengikut

daerah di Pulau Pinang dan mengikut ratio pelbagai kaum 5 : 3 : 2 . Program ini

merupakan satu program pendidikan luar kebanggaan Jabatan Pelajaran Pulau Pinang

yang diilhamkan ketika itu oleh Ketua Sektor Pembangunan dan Kemanusian iaitu

Tuan Haji Ibrahim B. Mohamad yang sekarang merupakan Pengarah Pelajaran Pulau

Pinang. Penyertaan pelajar dari seluruh negara juga akan memberikan lebih

pengalaman bergaul di antara pelajar berlainan negari. Kos pelaksanaan program ini

hampir menelan belanja RM 30 000.00 bagi setiap tahun.

Penyertaan peserta pelbagai kaum dan negeri juga dilihat boleh memberikan manfaat dan pengalaman. Masyarakat terutama ibubapa juga mengharapkan penyertaan anak-anak mereka dalam program ini mampu memberikan pengalaman dan perubahan dalam diri anak-anak mereka. Meskipun dapatan-dapatan kajian lepas menyokong bahawa program pendidikan luar berkesan dalam membentuk kesepaduan kumpulan, namun tiada bukti empirikal yang menyokong bahawa Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara yang memasuki edisi ke-7 ini membuatkan hasil yang serupa. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan bagi menjelaskan hasil dan keberkesanan program ini.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Ramai pengkaji menyatakan bahawa pendidikan luar memainkan peranan yang

penting dalam membentuk kesepaduan kumpulan (Wright, 1997). Aktiviti-aktiviti

berbentuk cabaran dalam pendidikan luar menunjukkan peningkatan terhadap

kesepaduan (Odello, Hill & Gouz 2007). Dapatan ini juga disokong oleh Wang, Liu &

Kahlid (2006) dalam kajiannya terhadap peserta kursus pendidikan luar pelajar remaja perempuan sebuah sekolah di Singapura yang menunjukkan peningkatan dalam aspek integrasi sosial yang melibatkan proses integrasi dalam kumpulan.

Fletcher & Meyer (2009) pula mendapati bahawa latihan berasaskan pendidikan luar seperti aktiviti ‘low-element’ berkesan membentuk kesepaduan dalam kalangan pemain bola tampar wanita universiti di Amerika. Kajian ini juga menjelaskan terdapat perubahan yang ketara terhadap kesepaduan kumpulan terutamanya dalam aspek komunikasi, kepercayaan dan keupayaan menolak gangguan yang tidak diperlukan. Perubahan cuaca di persekitaran luar juga telah membentuk keutuhan kesepaduan di kalangan mereka.

Namun begitu, dapatan pengkaji-pengkaji ini berbeza dengan segelintir pengkaji lain. Dyram & Kamalanabhan (2005) dan Garst, Scheider & Baker (2001) mendapati bahawa program pendidikan luar tidak membawa kepada kesepaduan yang berkekalan dan menyeluruh. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa kesepaduan kumpulan yang terbina dalam program pendidikan luar tidak diaplikasikan dalam kehidupan harian peserta setelah tamatnya program.

Hasil percanggahan pendapat di kalangan pengkaji-pengkaji lampau, penulis mendapati bahawa masih terdapat ketidakpastian terhadap kesan pendidikan luar dalam membentuk kesepaduan walaupun sesetengah pengkaji mendapat hasil yang positif. Tambahan pula, tiada kajian pernah dilaksanakan untuk mengkaji

sejauhmanakah keberkesanan program pendidikan luar yang dianjurkan oleh

Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Jabatan Pelajaran Pulau Pinang terhadap

kesepaduan kumpulan dalam kalangan remaja. Sehubungan dengan itu, satu kajian

perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti isu-isu ini.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Pengkaji mengenalpasti terdapat ruang kajian yang perlu dilakukan terhadap program pendidikan luar bagi meninjau sejauhmanakah keberkesanan program pendidikan luar anjuran Jabatan Pelajaran Pulau Pinang terhadap kesepaduan kumpulan. Kajian ini perlu dilaksanakan kerana : (1) Tiada kajian yang pernah dilaksanakan terhadap program-program pendidikan luar anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Jabatan Pelajaran Pulau Pinang (2) Ruang penambahbaikan program di masa hadapan (3) Menambah sorotan literatur yang berkaitan dengan pendidikan luar dan kesepaduan kumpulan (4) Mengkaji teori-teori yang berkaitan dengan kesepaduan kumpulan (5) Aplikasi terhadap teori yang digunakan dalam kajian ini. Sekiranya dapatan kajian ini menunjukkan hasil yang positif, pihak Kementerian boleh menyarankan agar program pendidikan luar seperti Cabaran Mutiara ini dijalankan di setiap negeri pada setiap tahun dengan bukti empirikal yang lebih jelas.

### **1.4 Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji kesan Program Pendidikan

Luar Cabaran Mutiara terhadap kesepaduan kumpulan dalam kalangan peserta.

Objektif utama kajian ini ialah untuk :

1. Mengkaji kesan Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Pulau Pinang terhadap kesepaduan kumpulan dalam kalangan peserta.

2. Mengkaji perbandingan di antara kesepaduan kumpulan dengan faktor sosio-demografi peserta yang menyertai Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Pulau Pinang.
3. Mengenalpasti perkaitan di antara setiap subskala kesepaduan kumpulan yang diaplikasikan dalam kajian ini.
4. Mengenalpasti aktiviti-aktiviti Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang yang mendatangkan kesan terhadap pembentukan kesepaduan kumpulan dalam kalangan peserta.

## 1.5 Persoalan Kajian

Pelaksanaan kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan berikut :

1. Sejauhmanakah perkaitan di antara setiap subskala kesepaduan kumpulan terhadap peserta Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara?
2. Mengenalpasti perbandingan faktor sosio demografi dengan kesepaduan kumpulan dalam kalangan peserta Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara?
3. Apakah aktiviti Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Pulau Pinang yang mungkin mempengaruhi pembentukan kesepaduan kumpulan?

Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji akan menggunakan kaedah kuasi-

eksperimental dengan kumpulan kawalan. Instrumen Soal Selidik Persekutaran

Kumpulan (*GEQ : Group Environment Questionnaire*) akan diuji secara pra dan pasca

kepada seramai 132 orang peserta yang mengikuti Program Pendidikan Luar Cabaran

Mutiara di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Pulau Pinang. Data seterusnya akan

dianalisis secara kuantitatif menggunakan kaedah Ujian-T dan ANOVA.

## 1.6 Limitasi Kajian

Dapatan kajian ini adalah terbatas terhadap :

1. Peserta Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Pulau Pinang sahaja.
2. Kesepadan kumpulan diukur dengan menggunakan instrumen Soal Selidik Persekutaran Kumpulan (*GEQ :Group Environment Questionnaire*) (Carron, Widmeyer, & Brawley, 1985).
3. Jangkamasa program yang singkat mungkin akan mempengaruhi keputusan ujian pra dan pasca.
4. Sikap, tingkahlaku dan pengalaman peserta mungkin akan memberikan kesan terhadap pemahaman terhadap soal-selidik. Sehubungan dengan itu, soal-selidik akan dibina menggunakan dwi-bahasa dan penyelidik akan hadir sewaktu sesi soal-selidik bagi menjawab persoalan yang mungkin timbul.

### 1.7 Definisi Istilah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

### Kesepaduan Kumpulan

Proses yang dinamik serta boleh menyebabkan kecenderungan di dalam kumpulan untuk sentiasa bersatu dan mengekalkan penyatuan dalam mengejar matlamat dan objektif. (Carron, Bray, & Eys, 2002).

### Pendidikan Luar

Penggunaan alam sekitar untuk tujuan pendidikan. Pendidikan luar selalunya melibatkan kumpulan kecil yang aktif menyertai aktiviti cabaran untuk perkembangan peribadi dibawah seliaan atau pengawasan jurulatih atau ketua. (Neill, 2008).

### Program Cabaran Mutiara

Program pendidikan luar yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Pulau Pinang. Program ini dijalankan selama 5 hari 4 malam yang disertai oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di sekitar Pulau Pinang serta peserta jemputan dari negeri-negeri berhampiran. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah berbasikal, berkayak, mendaki, orienteering, serta persembahan kebudayaan. Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara kali ini telah memasuki edisinya yang ke-7.

### Peserta Program

Peserta-peserta Program Pendidikan Luar Cabaran Mutiara dipilih oleh pihak sekolah di sekitar Pulau Pinang serta peserta jemputan dari negeri-negeri berhampiran yang telah disahkan sihat tubuh badan dan berupaya menjalankan aktiviti berbentuk fizikal oleh pakar-pakar perubatan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang konsep dan teori daripada beberapa kajian yang relevan dalam bidang pendidikan luar dan kesepaduan kumpulan. Secara umumnya, bab ini akan dibahagikan kepada 7 bahagian iaitu : (1) Definisi Pendidikan Luar, (2) Fokus Dan Asas Pendidikan Luar, (3) Pendidikan Luar Di Malaysia, (4) Sejarah Pelaksanaan Pendidikan Luar Di Pusat Kokurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia, (5) Kesepaduan Kumpulan, (6) Teori Kajian, dan (7) Kajian Lampau.

## 2.2 Definisi Pendidikan Luar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Secara umumnya terdapat pelbagai definisi mengenai pendidikan luar. Neill (2008) telah menyenaraikan definisi pendidikan luar yang diutarakan oleh pengkaji-pengkaji kepada 2 bahagian. Bahagian pertama definisi pendidikan luar yang mengaitkan aspek psikososial. Bahagian kedua pula definisi yang menjelaskan kepentingan peranan alam sekitar. Dalam aspek psikososial Neill (2003) menyatakan bahawa pendidikan luar merupakan sekumpulan manusia yang menyertai aktiviti-aktiviti berbentuk cabaran yang terancang di dalam suasana alam semulajadi dan menjadikan diri sendiri sebagai sumber utama untuk menyelesaikan masalah.

Manakala Leppain (2000) menjelaskan bahawa pendidikan luar merupakan satu cara pengkayaan kurikulum yang berlaku di luar persekitaran merangkumi pendidikan persekitaran, pendidikan konservasi, pendidikan cabaran, perkhemahan sekolah, terapi alam semulajadi dan aspek rekreasi luar yang lain. Sebelum itu Lewis (1975) telah menyatakan bahawa pendidikan luar dapat merangsang penggunaan deria audio, visual, rasa serta bau bagi mendapatkan pemerhatian dan kefahaman diri individu.

Dalam bahagian kedua pula para pengkaji menjelaskan kepentingan peranan alam semulajadi dalam definisi pendidikan luar. Preist (1986) menyatakan bahawa pendidikan luar merupakan perkaitan di antara manusia, masyarakat dengan alam semulajadi. Lund (2002) menyokong daptan tersebut dan menjelaskan lagi bahawa pendidikan luar merupakan satu kaedah pembelajaran melalui pengalaman yang

merangkumi semua deria melalui pendedahan kepada alam sekitar dan hubungan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Namun begitu, definisi yang paling popular dan selalu dirujuk oleh pengkaji

pendidikan luar adalah “pendidikan luar adalah pendidikan ‘*dalam*’, ‘*mengenai*’ dan ‘*untuk*’ alam luar” (Donaldson & Donaldson, 1958) dan (Ford, 1986). Perkataan ‘*dalam*’ merujuk kepada keadaan tempat di mana sesuatu aktiviti pendidikan luar boleh dijalankan pada semua jenis keadaan dan latar belakang yang sesuai di luar bilik darjah bagi memberikan pengalaman secara langsung dalam interaksi sosial dan boleh pula dikaitkan dengan pelbagai tajuk (Azita, 2007). Contohnya proses tersebut boleh dijalankan di tepi sungai, tasik, laut dan sebagainya bagi merangsang pembelajaran melalui pengalaman (Siew Yen, 2005).


‘*Mengenai*’ pula secara langsung mengaitkan alam semulajadi menjadi tema sesuatu aktiviti pendidikan luar. Sebagai contoh, guru matapelajaran Geografi dapat menunjukkan contoh permukaan muka bumi yang sebenar kepada pelajarnya di persekitaran yang semulajadi. Manakala perkataan ‘*untuk*’ alam luar menerangkan tentang tujuan utama pendidikan luar iaitu untuk menimba pengetahuan dan merangsang cara berfikir bagi digunakan untuk kepentingan alam dan sosial.

Bunting (2006) menambah lagi definisi di atas dengan ‘melalui’ (*through*). ‘Melalui’ merujuk kepada pembelajaran melalui aktiviti-aktiviti tertentu di alam semulajadi yang dapat memberikan keseronokan dan lebih memberikan kefahaman kepada peserta. Daripada definisi di atas juga Bunting (2006) telah menyatakan 3 dimensi utama dalam pendidikan luar iaitu :

1. Kesinambungan (*Extension*) – Kesinambungan kurikulum dalam bilik

2. Konten (*Content*) – Ilmu yang diajar meliputi perkaitan dengan alam semulajadi, kemahiran kemandirian diri dan aktiviti yang dapat memberikan kesan terhadap individu, sosial dan alam.

3. Kaedah pengajaran (*Learning Method*) – Pendidikan luar merupakan satu kaedah pembelajaran yang menggunakan aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang perkembangan kemahiran dan memahami konsep dalam pelbagai jenis keadaan yang mencakupi kognitif, afektif dan psikomotor.




Rajah 2.1. Dimensi Utama dalam Pendidikan Luar. Adaptasi daripada “*Interdisciplinary Teaching Through Outdoor Education*,” (p. 102) oleh Bunting 2006, V Illinois : Human Kinetics

Daripada definisi-definisi yang dinyatakan oleh pengkaji di atas dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan luar merupakan satu medium pendidikan melalui pengalaman yang boleh membina kemahiran diri, kemahiran sosial dan pengetahuan alam sekitar.

Perlu diambil perhatian juga bahawa definisi-definisi pendidikan luar boleh berubah

mengikut keadaan masa, zaman dan tempat (Abu Bakar Sidek, 2004). Pengertian

pendidikan luar juga boleh diluaskan lagi melalui pelbagai cabang kefahaman seperti pendidikan cabaran, pendidikan persekitaran, pendidikan rekreasi dan pendidikan melalui pengalaman (Mazuki, 2010).



Rajah 2.2. Model Pendidikan Luar. Adaptasi daripada “Redefining Outdoor Education : A Matter Of Many Relationship,” oleh Priest, 1988, *Journal of Environmental Education*, 17 (3), p.13-15.


### 2.3 Fokus dan Asas Pendidikan Luar

Gilbertson, Bates, McLaughlin & Ewert, (2006) menjelaskan pendidikan luar

biasanya menfokuskan 3 bidang subjek yang utama iaitu : (1) Hubungan Ekologi, (2)

Kemahiran Fizikal, (3) Perkembangan Interpersonal atau Kemahiran Pendidikan.

Selain itu kaedah pengajaran pendidikan luar boleh dipraktikkan ke atas pelbagai situasi dan keadaan, populasi yang berbeza serta objektif yang berbeza (Bunting, 2006). Beliau menyatakan terdapat empat asas pendidikan luar yang sangat penting iaitu : (1) Pendidikan luar merupakan pendidikan yang melibatkan pembelajaran melalui pengalaman, (2) Hubungan dengan alam semulajadi, (3) Berterusan dalam menggalakkan refleksi, generalisasi dan aplikasi, (4) Merentasi pelbagai disiplin ilmu.



Rajah 2.3. Model Fokus pendidikan luar. Adaptasi daripada *Outdoor Education : Method and Strategies* (p.12) oleh Gilbertson et. al, 2006, Champaign : Human Kinetics

Pendidikan luar dilihat sebagai pencetus kepada hubungan ekologikal di antara manusia dan alam sekitar. Kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dapat diterapkan melalui aktiviti-aktiviti pendidikan luar seperti perkhemahan dan